



SATU SUDU TEH SELEPAS MAKAN

Dr Fahd Razy | Faisal Mat Zawi | Dr Afiq Rahim | Nurisa Kamal
Dr Haliza Zurah | Dr Wan Abaa | Dr Nur Akmal | Dr Huda Kamarudin
Amirul Hamudin | Dr Aibul Arina | Dr Bidayah Supardi | Dr Fieza Nur

Satu sudu teh selepas makan

ABSTRAK

"Cita-cita saya semasa kecil adalah menjadi seorang doktor. Saya diterima masuk ke Sekolah Menengah Sains, kemudian. Saya telah membelah seekor tikus comel tanpa 'melelapkan' ia dengan klorofom terlebih dahulu sehinggakan guru Biologi kami, Miss Alice Tan, menjerit "Omigod, oh boy!" pada satu hari. Alaa, tikus 'ja kannn! Bukannya saya bedah budak perempuan rakan sekelas pun! [Walaupun saya memang teringin nak buat begitu. *ahaks*] Dan perlahan-lahan cita-cita itu menjadi kelam, lalu terpadam terus dalam 'report card' dan dalam hidup saya. Tap! Saya jadi 'graphic designer'; bikin buku yang cantik-cantik. Buku ini, misalnya. Tetapi buku ini bukanlah kisah-kisah kegagalan saya dalam mengejar cita-cita untuk menjadi seorang doktor. Bukan! SATU SUDU TEH SELEPAS MAKAN ini adalah kisah doktor (dan bakal doktor) betul-betul! Doktor yang kita selalu jumpa dan tanya kita, "Apa sakit?" tu! Ha ha. Ini kisah mereka. Kisah mereka dengan pesakit yang datang menerima rawatan di rumah sakit- diceritakan dalam bentuk 'runcit-runcit' dan sangat 'lepak'. Bak kata bidalan: lain padang lain belalang, lain hospital lain pula doktor-doktornya. Kadang-kadang doktor buat 'jokes' juga tau. Kelakar! Jadi, beli dan baca buku ini! Mungkin kita akan belajar sesuatu daripadanya. Mungkin juga, jika ada rezeki, kamu akan terserempak dengan penulis-penulis ini di klinik atau di bilik bedah- jangan lupa untuk hulurkan buku ini dan minta autograf mereka ya! "Kami bedah pakcik dulu ye... dah sedar kang, saya sign!"

Katakunci: Perubatan; Kesihatan; Pesakit; Malaysia